KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

Empangan Nenggiri tingkat kapasiti tenaga, kurangkan banjir

Sinar 09.11.2021_24

Projek bernilai RM5 bilion itu dijangka siap dan beroperasi pada tahun 2026

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Pembinaan empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang yang dijangka beroperasi pada 2026 akan meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE) selain membawa manfaat dalam menyelesaikan isu kesejahteraan rakyat Kelantan terutama banjir.

Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Baharin Din berkata, seperti empangan-empangan lain milik TNB iaitu di Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Sungai Perak dan Kenyir, empangan Nenggiri bakal memberi manfaat tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh.

"Air yang ditakung dalam tasik takungan utamanya akan dilepaskan semula secara terkawal ke dalam Sungai Nenggiri dan dapat membantu mengawal banjir di hilir empangan ini.

"Selain itu, ia dapat membantu kerajaan Kelantan mengatasi isu pembekalan air bersih, pengairan untuk pertanian dan membuka peluang pekerjaan ketika pembinaannya serta mewujudkan peluang ekonomi baru di tasik takungan utamanya," kata beliau pada Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Projek Pembinaan Empangan Nenggiri dan Penyerahan Cek Pampasan di Pejabat Menteri Besar Kelantan di sini pada Selasa lalu.

Majlis disaksikan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ismail Yakob.

Baharin berkata, projek empangan hidroelektrik Nenggiri bernilai RM5 bilion itu akan menyalurkan 300 megawatt (MW) tenaga kepada Grid Nasional.

"Empangan tersebut akan meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu (RE) TNB, sejajar menjadi penggerak utama peralihan industri tenaga negara seterusnya mengukuhkan usaha TNB memastikan bekalan elektrik yang stabil dan berdaya harap untuk rakyat dan negara.

"Seperti dibuktikan di Tasik Banding di Perak (Empangan Temengor) dan Tasik Kenyir di Terengganu (Empangan Sultan Mahmud), penduduk setempat juga akan meraih manfaat ekonomi terutamanya daripada sektor pelancongan, rekreasi, pertanian, perniagaan kecil serta pembangunan prasarana," katanya.

Menurut beliau, projek ini menyokong aspirasi tenaga lestari TNB menuju ke arah pelepasan sifar bersih menjelang 2050 yang dipacu oleh komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 35 peratus peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

"Justeru, pembinaan tersebut menyokong aspirasi kerajaan ke arah meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga hijau negara kepada 40 peratus pada tahun 2035.



Takiyuddin (tengah) menyaksikan Ahmad (kiri) dan Baharin (kanan) menyerahkan dokumen perjanjian pada Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Projek Hidroelektrik Nenggiri dan Penyerahan Cek Pampasan di Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu pada Selasa.

"Projek ini amanah TNB kepada rakyat terutama peranan dan komitmen TNB terhadap alam sekitar.

"Lantaran itu, TNB melaksanakan kesemua kerja-kerja awalan dan kajian-kajian yang diperlukan untuk membangunkan projek ini selepas memperoleh semua kelulusan yang diperlukan seperti Kajian Potensi Mineral, Kajian Penerimaan Awam, Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA), Kajian Impak Sosial dan Kajian Impak Warisan," katanya.

Tambah beliau, komuniti orang asli yang terlibat secara langsung dengan projek itu khususnya dari Pos Pulat, Pos Tohoi dan Kampung Wias akan dipindahkan ke penempatan baharu dengan infrastruktur dan keperluan asas yang lebih baik serta selesa.

"Mereka juga akan diberikan pakej rangsangan ekonomi untuk meningkatkan sosioekonomi mereka dengan kerjasama kerajaan Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa)," katanya.

Untuk rekod, kapasiti penjanaan elektrik TNB di Semenanjung Malaysia ketika ini merangkumi 18 peratus hidroelektrik (2,536 Megawatt (MW)), 0.6 peratus solar (80 MW), 48.2 peratus arang batu (6,800 MW) dan 33.3 peratus gas (4,702.43 MW).